

UniMAP - HU Smart Collaborative Project selesai dengan jayanya

31 Okt 2007- Rintangian sempadan bukanlah satu penghalang bagi menjayakan "Smart Collaborative Project" diantara UniMAP dengan Hatyai Universiti yang dianjurkan oleh Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan dengan kerjasama Pusat Hal Ehwal Antarabangsa yang bermula pada 4hb Ogos yang lalu dan tamat pada 28hb Oktober 2007. Majlis penutup bagi projek tersebut di adakan di Hatyai Universiti yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UniMAP dan Presiden Hatyai Universiti.

Projek tersebut melibatkan 40 orang pelajar yang mana terdiri daripada 20 orang pelajar UniMAP dan 20 orang pelajar Hatyai Universiti yang dibahagikan kepada 4 kumpulan campuran. Lebih daripada 20 orang fasilitator daripada kedua-dua universiti yang terlibat dalam projek ini. Di majlis penutup yang turut diadakan upacara penyampaian hadiah kepada pemenang dalam 'Pelan Perniagaan' yang dibentang dalam pertandingan yang telah diadakan sebelum ini.